

Penyampai : DATO' SERI DR SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUP KEMPEN HARI PAHLAWAN 2000 (KHP)
Lokasi : AUDITORIUM KEMENTERIAN PERTAHANAN, KUALA LUMPUR
Tarikh : 02-03-2001

Izinkan saya mengucapkan syukur ke-hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat hadir di Majlis Penutup Kempen Hari Pahlawan 2000 anjuran Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM). Pada kesempatan ini juga saya merakamkan terima kasih kepada PBTM kerana sudi mengundang saya ke majlis ini yang bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada para dermawan yang telah bermurah hati menyumbang kepada Tabung Kempen Hari Pahlawan 2000, dan seterusnya untuk menyampaikan skim bantuan kebajikan dan pendidikan PBTM.

2. Saya percaya, bahawa kita semua sedia maklum dengan keadaan ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dari keadaan gawat. Sungguhpun begitu, kita bernasib baik dan bersyukur kerana masih ada insan yang berhati mulia dengan penuh ikhlas dan keinsafan masih mampu menghulurkan sumbangan kepada Tabung ini bagi tujuan kebajikan untuk membantu bekas-bekas tentera dan keluarga mereka.

3. Secara peribadi dan dengan penuh rasa kesyukuran, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas keikhlasan para dermawan yang sudi menyumbang dan menderma bagi mengisi Tabung Kempen Hari Pahlawan. Saya percaya, bantuan dan derma yang tuan-tuan berikan itu telah menunjukkan bahawa kita sebagai rakyat Malaysia masih lagi mampu menunjukkan sifat kesedaran dan keinsafan yang tinggi. Tuan-tuan telah membuktikan sifat kasih sayang dan mengenang budi terhadap mereka-mereka yang pernah berkorban dan terkorban di dalam perjuangan bagi mempertahankan tanah air tercinta. Kita harus sedar, keamanan, kemakmuran dan keharmonian negara yang kita nikmati dan kecapi pada hari ini adalah hasil daripada keringat dan perjuangan para pahlawan yang lalu. Para pahlawan yang berkorban mempertaruhkan nyawa, jiwa dan raga demi untuk mempertahankan negara. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin kita seharusnya sentiasa menanamkan sifat berterima kasih dan membalas budi kepada mereka-mereka yang pernah berjasa dan berjuang untuk mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan tanah air.

4. Dalam mana-mana juga perjuangan sudah pasti ada yang gugur dan kecundang. Para pejuang dan pahlawan ini meninggalkan balu dan anak-anak yang memerlukan sokongan dan bantuan, manakala bagi mereka yang malang terpaksa meneruskan kehidupan untuk menyara isteri dan anak-anak dalam keadaan yang daif dan cacat. Ada antara mereka yang kehilangan anggota tangan, ketiadaan kaki, hilang penglihatan dan lumpuh anggota badan. Adalah tidak adil sama sekali bagi kita untuk menyisihkan mereka ini daripada arus pembangunan dan kemakmuran negara yang dinikmati hasil daripada keringat, perjuangan dan penderitaan mereka. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia, untuk membela dan membantu nasib bekas tentera dan keluarga mereka. Pembelaan dan bantuan bukan sekadar merakamkan penghargaan semata-mata, kerana dengan penghargaan sahaja sudah tentu tidak akan dapat membantu keadaan mereka. Seperti kata pepatah Melayu "Berat Mata Memandang, Berat Lagi Bahu Yang Memikul". Oleh itu, sumbangan dan derma yang tuan-tuan hulurkan itu adalah amat besar ertinya kepada mereka.

5. Pada kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang perseorangan dan yang mewakili Kementerian-Kementerian, Kerajaan-Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta atas usaha dan sumbangan murni tuan-tuan itu. Saya berharap tuan-tuan akan terus berbakti dan menyumbang kepada Kempen Hari Pahlawan yang akan datang.

6. Saya difahamkan, Kempen Hari Pahlawan 2000 telah mencapai kejayaan yang memberangsangkan dan menerima sambutan daripada semua pihak. Dengan itu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi Jawatankuasa Kempen Hari Pahlawan Peringkat Kebangsaan, YB Dato' Mohd Shafie Apdal dan ahli-ahli jawatankuasa serta Pengerusi dan Jawatankuasa Peringkat negeri dan semua mereka-mereka yang terlibat secara langsung sehingga berjaya menjadikan Kempen Hari Pahlawan 2000 lebih tersusun dan sistematik bagi memberikan kesedaran yang berkekalan kepada masyarakat. Begitu juga dengan sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak media massa telah

mendorong kejayaan kempen ini dengan jayanya. Oleh itu adalah diharapkan pada masa-masa hadapan sokongan dan kerjasama seperti ini dapat diteruskan bagi memenuhi objektif Kempen Hari Pahlawan. Saya berharap Kempen Hari Pahlawan 2001 dapat dilaksanakan dengan lebih baik, dan semua pihak yang bertanggungjawab sama ada di peringkat kebangsaan dan negeri hendaklah digerakkan secara bersepadu dan berusaha lebih keras bagi membolehkan persiapan dan segala aktiviti dilaksanakan dengan sempurna untuk memastikan kejayaan kempen ini dalam usaha kita mencari punca kewangan untuk membantu kebajikan bekas-bekas tentera dan keluarga mereka.

7. Sebagai sebuah Persatuan yang terlibat secara langsung dalam menjaga kebajikan ahli-ahli dan keluarga bekas tentera, PBTM sudah tentunya memerlukan sokongan dan bantuan kewangan yang berterusan. Pada tahun 2000, PBTM (Ibu Pejabat) telah membelanjakan sejumlah RM611,216.50 untuk tujuan kebajikan. Antaranya RM243,360.00 dibelanjakan untuk bantuan balu, RM191,330.00 bantuan kebajikan kepada mereka yang tidak daya upaya, RM18,050.00 untuk anak yatim dan cacat, RM53,314.00 bagi bantuan perubatan dan am, RM63,300.00 bantuan anak-anak bekas tentera yang berjaya ke pusat pengajian tinggi, RM10,740.00 bantuan bayaran yuran peperiksaan STPM dan SPM, RM24,780.00 bantuan biasiswa kecil dan RM3,900.00 bagi bantuan ke asrama penuh.

8. Kempen Hari Pahlawan 2000 telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Ianya adalah daripada usaha dan kegigihan jawatankuasa Kempen Hari Pahlawan yang telah bersungguh-sungguh untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai untuk menyumbang terhadap rayuan derma yang dijalankan. Pada tahun ini jumlah keseluruhan kutipan di seluruh negara adalah berjumlah RM1,721,498.32. Daripada keseluruhan sumbangan yang diterima, RM103,073.09 adalah sumbangan yang diberi oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan, RM1,011,383.39 disumbangkan oleh Jabatan-Jabatan Swasta, RM25,101.52 oleh Angkatan Tentera Malaysia, RM447,157.77 oleh Sekolah-sekolah RM30,960.00 dari Jabatan-Jabatan Agama, dan RM103,821.65 adalah sumbangan dari individu. Ibu Pejabat PBTM berjaya mengutip sebanyak RM938,573.05, manakala di negeri-negeri pula PBTM Bahagian Kelantan berjaya mengutip jumlah tertinggi iaitu sebanyak RM189,094.13.

9. Di atas keprihatinan tuan-tuan sekalian dan mereka- mereka yang telah mengusahakan untuk mendapatkan sumbangan, kami semua merasa terhutang budi dan mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga.

Kami berdoa semoga kehidupan tuan-tuan semua sentiasa dirahmati Allah s.w.t. dan dilimpahi rezeki di muka bumi ini dan akan mendapat ganjaran kebaikan di akhirat kelak. Insya-Allah.